



**PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KESELAMATAN
MERANGKAP AHLI PARLIMEN RANAU**

Pejabat Jawatankuasa Pilihan Berkaitan Kementerian
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen
50680 KUALA LUMPUR

17 Julai 2026

**KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KESELAMATAN
BERHUBUNG PENYATA LAWATAN JAWATANKUASA PILIHAN KESELAMATAN KE
PULAU LANGKAWI PADA 6 HINGGA 7 MEI 2026: TINJAUAN TERHADAP
KESELAMATAN PERAIRAN DAN KOMUNITI BUKIT MALUT**

1. Jawatankuasa Pilihan Keselamatan telah membentangkan Penyata "**Lawatan Jawatankuasa Pilihan Keselamatan ke Pulau Langkawi Pada 6 Hingga 7 Mei 2026: Tinjauan Terhadap Keselamatan Perairan dan Komuniti Bukit Malut (D.R.24 Tahun 2026)**" di Dewan Rakyat pada **16 Julai 2026** (Khamis) selaras dengan fungsi Jawatankuasa sebagai badan semak dan imbang Parlimen dalam meneliti pelaksanaan dasar, penguatkuasaan dan tadbir urus berkaitan keselamatan negara.
2. Penyata ini mengandungi hasil penelitian Jawatankuasa terhadap tahap keselamatan sempadan maritim, pengurusan pintu masuk antarabangsa, kawalan imigresen, ancaman penyeludupan rentas sempadan, pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta isu keselamatan dan pembangunan komuniti di Bukit Malut.
3. Sepanjang lawatan, Jawatankuasa telah menerima taklimat dan mengadakan lawatan lapangan bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin (PPM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Pejabat Daerah Langkawi serta agensi-agensi berkaitan.
4. Berdasarkan dapatan lawatan, Jawatankuasa mengemukakan beberapa syor utama kepada Kerajaan, antaranya:
 - i. memperkukuh keselamatan sempadan maritim negara;
 - ii. mempertingkat pengurusan PATI dan pelarian Rohingya;
 - iii. memperhebat usaha membanteras penyeludupan rentas sempadan dan jenayah maritim termasuk cadangan pembinaan **Forward Operating Base (FOB)**;
 - iv. menambah baik aset, infrastruktur dan teknologi keselamatan seperti radar, CCTV, dron dan sistem pemantauan pintar;
 - v. memperkukuh penyelarasan antara agensi melalui pendekatan **Whole-of-Government** dan **Whole-of-Society**;
 - vi. meningkatkan kecekapan kawalan di Kompleks ICQS Jeti Kuah;

- vii. merangka pelan pembangunan bersepadu bagi Komuniti Bukit Malut yang merangkumi aspek keselamatan, pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan komuniti;
 - viii. memperkukuh pendataan komuniti, dokumentasi penduduk dan pengurusan identiti;
 - ix. memperhebat usaha membanteras penyalahgunaan dadah, jenayah komuniti serta mengawal jeti-jeti tidak berdaftar; dan
 - x. memperkukuh dasar keselamatan sempadan dan kedaulatan negara secara menyeluruh.
5. Jawatankuasa turut menekankan bahawa penyelarasan yang lebih berkesan antara Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan semua agensi penguatkuasaan perlu terus diperkasakan bagi memastikan pengurusan keselamatan sempadan dilaksanakan secara lebih cekap, bersepadu dan berasaskan perkongsian risikan.
6. Jawatankuasa berpendapat bahawa tahap keselamatan di Pulau Langkawi berada dalam keadaan terkawal hasil komitmen semua agensi keselamatan. Walau bagaimanapun, usaha memperkukuh keselamatan negara perlu diteruskan melalui penambahbaikan dasar, pengukuhan keupayaan operasi dan pelaksanaan syor-syor yang dikemukakan agar keselamatan sempadan, kedaulatan negara dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.
7. Sehubungan itu, Jawatankuasa mengesyorkan agar semua kementerian dan agensi berkaitan mengambil tindakan susulan terhadap syor-syor yang dikemukakan dalam Penyata ini serta memperkukuh kerjasama strategik bagi memastikan pengurusan keselamatan sempadan negara sentiasa berada pada tahap optimum.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Jonathan bin Yasin
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Keselamatan Dewan Rakyat,
Parlimen Malaysia